

Tarikh: 05/05/2023

Pemberitahuan Awam: RSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Kunak, TSH Plantation Management Sdn Bhd, TSH Resources Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0173-14-000-00)

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Kunak di bawah Syarikat Induk TSH Resources Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0173-14-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan pernilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Tawau, Sabah, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 19/06 hingga 24/06/2023 menggunakan persyaratan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018 . Model rantai bekalan adalah Mass Balance.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Kunak adalah: RSPO_PO1000007786

TSH Resources Berhad ("TSH" atau "Syarikat") telah diperbadankan pada 7 Ogos 1979 dan memulakan perniagaan koko. Perniagaan ini berkembang selama bertahun-tahun dan pada masa ia disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1994, Syarikat dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan TSH" atau "Kumpulan") telah pun menjadi peneraju utama dalam industri koko, pengeksport tunggal terbesar biji koko dan produk di Malaysia. Kumpulan turut mencebur industri kelapa sawit di Sabah pada tahun 1990 dan seterusnya di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia pada tahun 2000.

Hari ini, Kumpulan terutamanya terlibat dalam penanaman kelapa sawit dan pemprosesan tandan buah segar kepada minyak sawit mentah dan inti sawit. Pada 31 Disember 2022, Kumpulan telah menanam lebih 39,000 hektar kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia. Kumpulan juga mempunyai enam kilang kelapa sawit, masing-masing dua di Sabah, Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

| Kiland Kelapa Sawit Kunak dan Sumber Pembekal | |
|--|---|
| Kiland Kelapa Sawit | Kiland Kelapa Sawit Kunak |
| Kapasiti KKS (ton/jam) | 75 MT/jam |
| Alamat / Lokasi | KM 56, Tawau-Kunak Highway, 91000 Tawau, Sabah, Malaysia |
| Rujukan GPS (dalam derajat, menit & detik) | Latitude/Garis lintang 004° 28' 03.05" N Longitude/Garis bujur 118° 11' 06.57" E |
| Anggaran Pegeluaran Tahunan (MT) | CPO 3,941.37 mt PK 1,127.26 mt FFB/TBS 21,437.48 mt |

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:


| No. | Ladang / Pekebun Kecil | Lokasi | Rujukan GPS | | Ringkasan Kawasan (Ha) | | Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT) | Status Liability (L/NL) | Tarikh sertai (untuk Petani bebas) |
|-----|------------------------|--------|--------------------------|-------------------------|-----------------------------|-----------------|------------------------------------|-------------------------|------------------------------------|
| | | | Latitude / Garis lintang | Longitude / Garis bujur | Jum. kaw. yg akan diperakui | Kawasan ditanam | | | |
| | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | |
|--------------|-------------------------------------|---|-------------------|-------------------|-----------------|-----------------|------------------|----|-----|
| 1. | Ladang Maju Sawit | Mile 41, Tawau Kunak Road, Sabah, Malaysia | 004° 27' 53.13" N | 118° 10' 56.49" E | 219.00 | 156.50 | 1,877.59 | NL | N/A |
| 2. | Ladang LKSK | KM 39, Semporna-Tawau Road, Sabah, Malaysia | 004° 29' 38.02" N | 118° 04' 09.06" E | 966.00 | 930.00 | 13,441.76 | NL | N/A |
| 3. | Ladang Landquest | Mile 16, Apas Road, Tawau, Sabah, Malaysia | 004° 25' 43.90" N | 118° 20' 08.10" E | 433.80 | 365.00 | 5,273.30 | NL | N/A |
| 4. | Ladang Maju Sawit - Wakuba Division | Batu 16, Wakuba, Jalan Tawau-Kunak Highway, Sabah, Malaysia | 004° 17' 13.25" N | 118° 04' 17.54" E | 16.00 | 15.00 | 444.83 | NL | N/A |
| 5. | Ladang Sabahan 1 | KM 48, Lahad Datu – Kunak Highway, Malaysia | 004° 49' 07.50" N | 118° 05' 29.40" E | 122.00 | 98.00 | 400.00 | NL | N/A |
| TOTAL | | | | | 1,756.80 | 1,564.50 | 21,437.48 | | |

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penananman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

3. Lokasi Unit Pengurusan





Inspiring trust for a more resilient world.

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piauan Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

| Nama | Peranan / Aspek Pengliputan | Kelayakan dan Pengalaman |
|------------------------------|--|--|
| Hafriazhar bin Mohd Mokhtar | Ketua Pasukan Audit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantai bekalan untuk kilang sawit | <ul style="list-style-type: none">- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia.- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 5 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit.- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk CDM, ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001 dan ISO 50001.- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA. |
| Muhamad Naqiuddin bin Mazeli | Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantai bekalan untuk kilang sawit | <ul style="list-style-type: none">- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Hortikultur, Universiti Putra Malaysia.- Mempunyai 11 tahun pengalaman dalam industri perladangan kelapa sawit. Menyertai pasukan kelestarian pada 2013, beliau telah mengurus, melaksana dan memantau keperluan pensijilan RSPO, ISCC, MSPO, ISO 9001 dan OHSAS 18001 untuk ladang, kilang, kilang penapisan dan skim pekebun kecil. Beliau juga menyokong penyediaan latihan RSPO, MSPO dan pensijilan lain yang berkaitan dengan operasi syarikatnya yang terdahulu.- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA. |
| Mohd Nur Amin bin Mohd Halim | Ahli Pasukan Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit | <ul style="list-style-type: none">- Memiliki Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, Universiti Teknologi MARA.- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 6 tahun dalam menguruskan kemampunan untuk industri kelapa sawit.- Merupakan juruaudit bagi MSPO, MSPO SCCS dan ISCC di badan pensijilan sebelumnya. |



Inspiring trust for a more resilient world.

| | | |
|--|--|--|
| | | - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit (IMS) ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS, SA8000, RSPO P&C dan RSPO SCCS. |
|--|--|--|

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komentari adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebaikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama:

Emel:

Jabatan:

Nombor telefon:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Dr. Chaiyaporn Seekao
BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North
Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan, Malaysia
Faks : +603 9212 9639
Emel : chaiyaporn.seekao@bsigroup.com

DAN / ATAU

Auditee:

Pn. Rohana Parilla binti Abdul Salam
TSH Resources Berhad
Bangunan TSH, TB 9, KM 7, Apas Road
91000 Tawau
Sabah, Malaysia
Faks : +6 089 913000
Emel : rohana.sho@tsh.com.my

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....
Dr. Chaiyaporn Seekao
Pengurus
Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)